



» (v) » BERITA (/BERITA) » Dua graduan Wanita UPM untung RM 22,000 setiap bulan dengan menjual nasi lemak

Senarai Berita (/berita)

## Dua graduan Wanita UPM untung RM 22,000 setiap bulan dengan menjual nasi lemak

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin



SERDANG, 22 Mac - Hanya menjadi usahawan Nasi Lemak Jabit's, dua graduan wanita Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya memperoleh hasil keuntungan setiap bulan RM22,000.

Namun ramai tidak tahu bahawa pemilik dan rakan kongsi Nasi Lemak Jabit's ialah dua graduan UPM dari Fakulti Pengajian Pendidikan.

Atiqah Husna Zulkernain dan Nur Afira Azmiera Kamaruzaman menamatkan graduan Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) juga usahawan berjaya dibawah program perniagaan bimbingan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEMI).

Afira menyatakan kesibukan sebagai usahawan dan pelajar akan membuatkan kami berdua lebih fokus untuk mencapai sesuatu tepat pada waktunya.

"Bayangkan saya kena siapkan assignment selepas itu perlu menyediakan nasi lemak untuk dijual. Tetapi ini adalah tanggungjawab yang kami pilih demi kelangsungan hidup semasa belajar.

"Namun ia juga sangat berbaloi kerana banyak kemahiran yang saya peroleh sebagai usahawan sambil belajar. Bukan hanya belajar tetapi dapat kawan baharu, faham erti kesesualan untuk capai sesuatu dan yang paling penting ialah pengurusan kewangan walaupun sedang belajar,"katanya.

Menurut Atiqah pula, cabaran beliau ketika mula-mula meniaga nasi lemak adalah untuk mendapatkan tempat berniaga bagi memudahkan mereka untuk memasak nasi lemak.

"Bila dah dapat kedai, kami hanya mempunyai sebuah motosikal untuk digunakan sebagai kenderaan bagi membeli bahan untuk memasak nasi lemak seperti ayam, telur, beras, cili dan lain-lain.

"Bayangkan kami menghantar makanan menggunakan motosikal untuk para pelajar di kolej lain walaupun hujan lebat demi mencari wang. Namun kami berdua bersetu untuk menjual nasi lemak sambil belajar dan berniaga tanpa mengalah,"katanya.

Minat mendalam untuk meniaga dan mencari duit tambahan bagi menampung perbelanjaan sepanjang dalam pengajian adalah faktor utama mendorong mereka menjalankan perniagaan.

Atiqah memulakan perniagaan Nasi Lemak Jabit's sejak tahun 2019. Berkat usaha dan pembelajaran ilmu perniagaan secara berterusan beliau telah berjaya mempunyai rakan kongsi iaitu Afira dan tiga (3) cawangan perniagaan di sekitar UPM yang menjual produk makanan dan minuman. - UPM

Tarikh Input: 22/03/2022 | Kemaskini: 22/03/2022 | hairul\_nizam

### PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.oddoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fdua\_graduan\_wanita\_upm\_untung\_rm\_22000\_setiap\_bulan\_dengan\_menjual\_nasi\_lemak-659978...title=Dua%20Graduan%20Wanita%20UPM%20Untung%20RM%2022%2C000%20Setiap%20Bulan%20Dengan%20Nasi%20Lemak%20Nas%20Malaysia...)(#facebook) (#twitter) (#linkedin) (#email) (#copy\_link) (#wordpress) (#print)

### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan MALAYSIA +603-9769 1000 pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM) 03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Pemohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/apply) Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my) KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/renderaction/method-home) Jawatan Kosong (http://jg.upm.edu.my) Sistem Bait Pulu ICT (http://zoinct.upm.edu.my) Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my) Sistem Pengurusan Penubatan (http://regmedic.upm.edu.my) Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/togin) i-GIMS star (http://www.gis.upm.edu.my/8080/gimstar/index.js) i-GIMS (pelajar passowassabah) (http://ngsportal.upm.edu.my/8080/ngsportal) Sistem Maklumat Pelajar (pelajar passowassabah) (http://smp.upm.edu.my/smp/acton/security/loginSmpSetup)

### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my) Multimedia Super Corridor (https://msc.malaysia.gov.my) Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my) Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (vents) Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik) Tender & Kontrak (http://tender.upm.edu.my/) Laporan Pagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal\_kami/maklumat\_korporat/pagam\_pelanggan-6202) Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal\_kami/dasar\_universiti-5621) Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk\_upm) Dana Wakaf Ilmu (http://www.wasat.upm.edu.my) Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan\_UPM\_29689) Tahunan UPM 2021 (http://www.upm.edu.my/ababab/dokumen/20210421082600TARWIM\_UPM\_2021\_20\_1\_2021.pdf) UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

Grid of logos for various accreditation and portal services including PIRRA, PORTAL, PENTABIRAN, UPM, UPM Student, CLAIM, and ISO.

